

## SWM lancar 3R Troopers didik orang ramai amal kitar semula

**ALAM SEKITAR.** Syarikat konsesi SWM Environment Sdn Bhd (SWM) telah melancarkan pasukan 3R Troopers bagi mendidik masyarakat mengamalkan kitar semula di Pulau Sebang, Tampin, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Pengurus SWM Wilayah Persekutuan, Melaka dan Negeri Sembilan, Dr. Al'Ashari Othman berkata, pihaknya mengambil inisiatif membantu kerajaan melahirkan rakyat mentaliti kelas pertama dalam menguruskan sisa pepejal.

"Pasukan ini akan memberi penerangan ke sekolah-sekolah, jabatan kerajaan dan komuniti," katanya.

3R ialah singkatan kepada amalan mengurang, guna semula dan kitar semula (*reduce, reuse, recycle*).



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli pasukan 3R Troopers bergambar kenangan bersama pihak pengurusan SWM selepas majlis ringkas pelancaran pasukan berkenaan di Tampin baru-baru ini.